

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]**

**TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 37**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pihak Kementerian akan meneruskan usaha Kerajaan terdahulu dalam membuka pintu dan inisiatif bagi memecahkan kartel import daging yang sudah dikuasai berpuluh-puluh tahun oleh beberapa syarikat sahaja. Contohnya mewujudkan kerjasama antara syarikat milik Kerajaan (GLC) dan pengimport sederhana dan kecil di Malaysia serta menubuhkan konsortium yang mana GLC menjadi peneraju utama dalam perkara tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil langkah untuk meliberalisasikan pengimportan daging.

Mulai 28 Januari 2016 dasar pengimportan ini adalah terbuka kepada syarikat yang berkeelayakan dan pengimportan hanya dibenarkan dari loji-loji yang telah diluluskan oleh Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan status ancaman penyakit berkaitan ternakan di negara sumber.

Pemain industri yang berhasrat untuk mengimport daging perlu memohon kelulusan mengimport produk haiwan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Antara syarat asas permohonan kelulusan pengimportan adalah pengimport mestilah mempunyai premis penyimpanan produk haiwan, mempunyai maklumat pengeksport yang lengkap dan mempunyai senarai pembeli atau pengedar produk haiwan yang diimport tersebut.

Kementerian mengalu-alukan jika terdapat cadangan dari pihak syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) untuk bertindak sebagai peneraju utama dalam penubuhan konsortium pengimportan daging dengan kerjasama syarikat-syarikat pengimport sederhana dan kecil di Malaysia.

Kementerian boleh bertindak sebagai pemudah cara dalam konteks pelaksanaan dasar pengimportan semasa namun mekanisme kerjasama antara pihak swasta / syarikat / GLC yang bakal terlibat adalah inisiatif swasta (*private driven*) dan *commercial decision*. Pihak Kementerian tidak akan campur tangan dalam sebarang urusan niaga yang bakal berlangsung.

Sekian, terima kasih.